

UPM mahu kembalikan kegemilangan pertanian

SERDANG 24 Jan. - Universiti Putra Malaysia (UPM) berhasrat untuk mengembalikan kegemilangannya dalam bidang pertanian seperti yang dikecapinya pada 1970-an dan 1980-an.

Naib Canseloranya, Profesor Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah berkata, bagi tujuan itu, pihaknya akan memperkasa kaedah penggunaan sains dan teknologi terkini dalam setiap penyelidikan pertanian.

"Bagi saya, hanya penyelidikan terkini yang dapat memajukan sektor pertanian di negara ini untuk membantu petani meningkatkan hasil pertanian.

"Sebagai contoh, kaedah bio-teknologi kini banyak membantu petani untuk menghasilkan nilai tambah kepada hasil pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Tugas Naib Canselor UPM di sini hari ini.

Menurut Nik Mustapha, UPM yang sebelum ini dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia perlu mengekalkan identiti sebagai sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) yang terkenal dengan penyelidikan terbaik dalam bidang pertanian.

Lagipun, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menekankan pembangunan dan pembaharuan dalam bidang pertanian bagi membolehkan petani mengecapi kehidupan lebih baik.

Sehubungan itu, katanya, UPM kini ingin menjadi pelopor bagi mengubah mentaliti yang selama ini mengaitkan pertanian sebagai industri yang kurang berkembang maju.

Tegasnya, dalam hal itu, pihaknya akan lebih menumpukan perhatian dalam mencetuskan idea baru menerusi penyelidikan yang mampu mengubah pemikiran masyarakat terhadap bidang tersebut.

"Kita mahu suatu hari nanti, apabila bercakap tentang pertanian, orang ramai akan terbayangkan kerjaya yang boleh memberi pulangan lumayan," ujarnya.

Dalam pada itu, Nik Mustapha memberitahu, walaupun pertanian menjadi agenda utama di UPM, pihaknya tidak pernah meminggirkan bidang-bidang lain seperti kejuruteraan, pengurusan ekonomi dan sebagainya.